

Bil. S 82

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 12(1) dari Penggal 30.
 3. Penggantian bab 32A.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini hendaklah digelar sebagai Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan), 2008.

Pindaan bab 12(1) dari Penggal 30.

2. Bab 12(1) dari Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta utama, adalah dipinda dengan memotong ", Merinyu Bandaran, Merinyu Kesihatan, mana-mana Pegawai Daerah dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, Ketua Pengarah Kerja Raya dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya dan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya" dan menggantikannya dengan "dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*".

Penggantian bab 32A.

3. Bab 32A dari Akta utama adalah dimansuhkan dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

"Kuasa untuk menyiasat.

32A. Dalam mana-mana kes berkenaan dengan berlakunya suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* hendaklah mempunyai segala kuasa seseorang pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) berkenaan dengan suatu penyiasatan terhadap kesalahan boleh tangkap."

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 30 haribulan Ogos, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM